



NEGERI SABAH

JPAN: 700-2/10 JLD.2/(12)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2019

KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018 (Persekutuan) mengenai pelaksanaan kemudahan Cuti Keagamaan yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam negeri yang bukan beragama Islam mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan.

LATAR BELAKANG

2. Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan telah memperuntukkan cuti tanpa rekod sebanyak tujuh (7) hari, iaitu sekali sepanjang tempoh perkhidmatan kepada pegawai perkhidmatan awam negeri yang beragama Islam bagi maksud menunaikan umrah di Mekah dan ziarah di Madinah.

3. Berikutan itu, selaras dengan keprihatinan Kerajaan kepada kepelbagaian agama dikalangan pegawai perkhidmatan awam, Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan kemudahan cuti tanpa rekod sebanyak tujuh (7) hari kepada pegawai perkhidmatan awam negeri yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan kemudahan Cuti Keagamaan ini adalah seperti yang berikut:

- a. Cuti Keagamaan adalah bagi maksud mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam dan luar negara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing;
- b. Cuti Keagamaan merupakan cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam negeri yang bukan beragama Islam dan dilantik secara tetap;
- c. Cuti Keagamaan tertakluk kepada maksimum tujuh (7) hari, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- d. Perkiraan tujuh (7) hari bagi maksud aktiviti keagamaan bermula dari tarikh penerbangan/perjalanan sebenar dibuat bagi mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam atau luar negara. Sekiranya tarikh penerbangan/perjalanan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, maka perkiraan tujuh (7) hari akan bermula pada hari bekerja berikutnya;

- e. Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi tujuh (7) hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian, tertakluk pada kelayakan cuti pegawai;
- f. Cuti Keagamaan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan (*one-off*), yang meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh cuti yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan; dan
- g. Bagi tujuan mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di luar negara, pegawai perlu mematuhi nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/meluluskan permohonan kemudahan ini dan merekodkan kelulusan cuti dalam Buku Perkhidmatan Pegawai Awam.

TARIKH KUAT KUASA

- 6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 28 JAN 2019

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil